

TEKS UCAPAN

**YBHG. PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN
NAIB CANSELOR UMS**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
KEJOHANAN SUKAN IPT SABAH
PIALA YB DATUK DR MARY YAP KAIN CHING**

**16 DISEMBER 2017 (SABTU) | 8:30 PAGI
KOMPLEKS SUKAN UMS**

Salutasi

Terima Kasih Saudara Dan Saudari, Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Ali
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Universiti Malaysia Sabah

Rektor - Rektor/ Pengarah – Pengarah IPT

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan UMS

**Dekan-dekan/Pengarah-pengarah/Ketua-Ketua
Unit**

Para atlet IPT Sabah

Para Pegawai kontinjen, Jurulatih serta

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Sukan kepada semua hadirin hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul sekali lagi pada pagi ini bagi memeriahkan Kejohanan Sukan IPT Sabah buat kali ke-2 untuk tahun 2017. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

2. Pertama sekali saya merakamkan ribuan terima kasih khasnya kepada Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching atas kesudian bersama-sama kita pada kejohanan kali ini. Kita sedia maklum bahawa Yang Berhormat Datuk Mary mempunyai jadual yang amat padat, namun atas komitmen dan keprihatinan beliau,

- 3.Yang Berhormat Datuk Mary dapat meluangkan masa untuk bersama-sama kita pada pagi ini dan seterusnya akan merasmikan kejohanan kali ini. Terima kasih Datuk!
- 4.Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan khususnya kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atas sokongan dalam menjayakan penganjuran kejohanan kali ini.

Syabas dan tahniah juga kepada Jawatankuasa Pelaksana khususnya Pusat Sukan UMS atas kejayaan mengelola kejohanan Sukan IPT Sabah kali ke-2 yang sudah pasti menjadi platform kepada semua atlet menonjolkan bakat masing-masing.

5.Selamat datang dan terima kasih kepada semua kontinjen dari seluruh negeri Sabah yang ikut serta menyertai kejohanan kali ini. Saya percaya, tanpa sokongan dan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan, sudah tentu kejohanan ini tidak akan berjaya dijalankan seperti yang dirancang.

Para atlet dan hadirin hadirin yang dihormati

6. Penglibatan pelajar IPT dalam kejohanan sukan pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa merupakan petanda positif dan merupakan sumbangan besar kepada IPT masing-masing dan ianya perlu dihargai. Nama IPT, negeri serta negara akan terkesan atas kejayaan dan kecemerlangan siswa siswi itu sendiri.

7.Kerjasama dan hubung jalin antara IPT dan pihak terlibat khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan antara faktor penyebab setiap kejohanan mampu digalas dengan baik khususnya di IPT dan negeri amnya. Saya percaya, tanpa adanya kerjasama pihak terbabit, penganjuran sukan di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa tidak akan mampu dianjurkan dengan baik dan cemerlang.

8. Akhir kata, selaku tuan rumah kejohanan, teruskan bersukan dan harapan kami agar dapat mengeratkan lagi tali silaturahim antara IPT Sabah serta menjadikan kejohanan sukan ini salah satu wadah menjadikan "Sabah Harmoni Melalui Sukan".

Selamat bersukan dan selamat bertanding kepada semua.

Sekian, terima kasih.